

'Tak perlu kena sorong lagi'

Taiping: Hampir setiap hari Mohd Uzair Jaafar terpaksa mengharap bantuan seseorang bagi menyorong kerusi rodanya ke kuliah di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Namun tidak lama lagi, beliau boleh bergerak sendiri melalui kaki palsu bernilai RM10,000 disumbangkan Pejabat Khidmat Wakil Rakyat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kamunting. Kini, Mohd Uzair, 22, sedang menyesuaikan diri dengan kaki palsu berkenaan.

Pelajar tahun akhir kursus sarjana muda bioteknologi berasal dari Kampung Tengah Seberang Kamunting ini bersyukur dengan pemberian itu yang secara tidak langsung memudahkannya berurusan.

Serah pelbagai bantuan

Uzair antara yang menerima bantuan disampaikan ADUN Kamunting merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, ICT, Sumber Manusia, Sains dan Teknologi negeri, Datuk Mohd Zahir Khalid pada satu majlis di sini, semalam.

Zahir turut menyampaikan bantuan moreh kepada 30 surau sekitar Kamunting dengan setiap surau menerima RM500 dan lima masjid, masing-masing menerima RM800.

Bantuan turut diberikan kepada lima Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) sekolah selain Pusat latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)



Mohd Zahir menyerahkan cek RM10,000 **bantuan kaki palsu** kepada Mohd Uzair, di Taiping, semalam.

(BH YAHYA AWANG/BH)

“*Kita berharap dengan sumbangan ini, surau dan masjid dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kamunting dapat menjalakan majlis moreh sepanjang Ramadan*”

Mohd Zahir Khalid
ADUN Kamunting

Taiping, bernilai antara RM3,000 hingga RM5,000.

Zahir berkata, jumlah sumbangan keseluruhan RM50,000 diperolehi daripada peruntukan kerajaan negeri selain sumbangan pemimpin masyarakat dan orang ramai.

“Kita berharap dengan sumbangan ini, surau dan masjid dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kamunting dapat menjalakan majlis moreh kepada jemaah yang menunaikan solat fardu dan tarawih sepanjang Ramadan,” katanya.